

11/03/2003

TPM mahu RLIR jadi acara prestij

Wan Jailani Razak

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap Regatta Antarabangsa Diraja Langkawi (RLIR) 2003 akan terus berkembang untuk muncul sebagai acara perlumbaan pelayaran berprestij di rantau ini.

Pemangku Perdana Menteri berkata, ini berikutan kemampuan Langkawi yang

kini menjadi destinasi bertaraf dunia, menganjurkan pelbagai acara bertaraf antarabangsa seperti Le Tour de Langkawi, Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi, Ironman Langkawi dan kini RLIR.

Sambil memberi ucapan tahniah kepada Kelab Pelayaran Diraja Langkawi (KPDL) atas usahanya menganjurkan RLIR, beliau mengucapkan 'Selamat Belayar' dan 'Semoga Berjaya' kepada peserta luar negara dan tempatan, yang menyertai regatta itu.

"(Kepada peserta RLIR), luangkan masa anda untuk menikmati keindahan gugusan pulau di Langkawi. Saya yakin penduduk Langkawi akan memberikan yang terbaik bagi memastikan kehadiran anda di Langkawi, satu kenangan manis," katanya yang dipetik dalam buku cenderamata RLIR di Langkawi, hari ini.

Malam ini, Abdullah dijadualkan merasmikan RLIR 2003 serentak Pelancaran

marina dan tembok penahan ombak kelab yang baru di marina KPDL.

RLIR 2003, cetusan idea Komodor dan Ketua Pengasas KPDL, Tunku Abdullah

Tuanku Abdul Rahman akan melengkapkan Kalendar Perkapalan Asia yang mana memuatkan pelbagai regatta yang dianjurkan di rantau ini.

Sementara itu, Tunku Abdullah yang dipetik daripada buku sama berkata, regatta sepanjang enam hari mulai hari ini bagi merebut Piala Cabaran Perdana Menteri itu tersirat dua makna penting.

"Pertama, sebagai tanda sayang kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang banyak berjasa kepada pembangunan Langkawi dan negara berdasarkan wawasan dan semangat dedikasinya.

"Kedua, memperkenalkan Langkawi sebagai destinasi pilihan pelayar menerusi regatta yang diadakan. Juga, diharapkan regatta ini yang sinonim dengan kemudahan pelayaran yang ada di KPDL menjadi pilihan utama pelayar antarabangsa," katanya.

Pengurus regatta, Robert Forrester yang ditemui di marina KPDL semalam,

pula berkata, angin yang dijangka bertiup 15-20 knot sejam pada hari pertama dan kedua regatta disifatkannya sangat baik untuk perlumbaan.

"Kelajuan angin 6 knot sejam adalah baik untuk perlumbaan seperti ini tetapi ramalan 15-20 knot jika benar pada dua hari perlumbaan adalah sangat baik. Bagaimanapun, ramalan kelajuan angin pada baki hari perlumbaan belum diketahui," katanya.

Beliau berkata, dengan jumlah perahu layar yang mengesahkan penyertaan untuk regatta itu yang meningkat kepada 74 buah sehingga semalam, adalah satu petanda baik untuk perlumbaan sulung regatta.

Penganjuran regatta itu, katanya, membuktikan kemampuan Malaysia menganjurkan acara pelayaran bertaraf antarabangsa walaupun masih baru dalam bidang itu.

Selain itu, RLIR boleh dianggap sebagai medan untuk menonjolkan keindahan perairan Langkawi yang sememangnya sesuai untuk menganjurkan sebarang sukan air.